



KOPERASI MITI MALAYSIA BERHAD (KOMITI) (W-6-0885)

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Menara Pelaburan, Perdagangan dan Industri
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
MALAYSIA.

Tel : 603 6200 4853

E-mel (E-mail) : alp-komiti@miti.gov.my

KOMITI.200/2026 (29)

27 Januari 2026

FRUITS & JUICE STATION

Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Chow Kit,
50350 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
(u.p.: **Encik Rosli bin Shamsudin**)

Tuan,

**TAWARAN PENYEWAAN DUA (2) LOT TAPAK NIAGA PROGRAM BAZAAR
RAMADHAN/ HARI RAYA AIDILFITRI 2026 DI PERTAMA KOMPLEKS, JALAN
TUANKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Koperasi MITI Malaysia Berhad (KoMITI) berbesar hati untuk menawarkan **FRUITS & JUICE STATION** sebagai peniaga di tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti yang berikut:

- a) Menandatangani Surat Setuju Terima (SST) bersama KOMITI untuk tempoh penyewaan **dua (2) lot tapak niaga mulai 19 Februari 2026 sehingga 20 Mac 2026**;
- b) Buat masa ini, kadar **sewaan** ditetapkan adalah sebanyak **RM6,000.00/lot** sahaja dan pembayaran perlu diselesaikan selewat-lewatnya **tujuh (7) hari selepas penerimaan Surat Tawaran ini**;
- c) Dikehendaki membayar wang cagaran berjumlah **RM500.00/lot** sebagai jaminan bagi memastikan terma dalam perjanjian penyewaan dipatuhi sepenuhnya;
- d) **Bayaran sewaan dan wang cagaran** hendaklah dibuat dengan mengemukakan bukti pembayaran ke akaun **KOPERASI MITI MALAYSIA BERHAD, 8602223477 CIMB BANK BERHAD**;
- e) **DILARANG** membuat sebarang pengubahsuaian struktur sepanjang tempoh penyewaan;

- f) **PASTIKAN** ruang sewaan hendaklah sentiasa dikekalkan dalam keadaan kemas, teratur, dan bersih sepanjang tempoh program dijalankan serta selepas program tamat bagi memastikan suasana yang selesa dan profesional kepada semua pengunjung;
- g) **BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA** terhadap sebarang pencemaran, kerosakan atau aduan berkaitan kebersihan yang berpunca daripada operasi perniagaan;
- h) **Sebarang aduan, rungutan atau permasalahan** yang timbul perlu mengemukakan secara bertulis kepada operator yang dipertanggungjawabkan; dan
- i) Sebarang bentuk provokasi, penyebaran maklumat palsu, atau tindakan yang menjejaskan kredibiliti dan imej Koperasi MITI Malaysia Berhad **dilarang sama sekali**. Pihak penganjur berhak mengambil **tindakan tegas termasuk TINDAKAN PERUNDANGAN**.

3. Sekiranya pihak tuan bersetuju dengan tawaran ini serta syarat-syarat yang dinyatakan, sila kemukakan pengakuan penerimaan terma surat ini seperti mana yang dilampirkan dalam tempoh **TUJUH (7) HARI** dari tarikh surat ini. Sehingga perjanjian penyewaan ditandatangani, surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

“KECEMERLANGAN DAN KESEJAHTERAAN”

Saya yang menjalankan tugas,



.....
(MOHD FIRDAUS IBRAHIM)

Pengurus Besar

KOPERASI MITI MALAYSIA BERHAD

s.k : Pengerusi | Timbalan Pengerusi | Setiausaha | Bendahari
Koperasi MITI Malaysia Berhad

SURAT SETUJU TERIMA (SST)

PENGAKUAN PENERIMAAN TERMA SURAT PENYEWAAN DUA (2) LOT TAPAK NIAGA PROGRAM BAZAAR RAMADHAN/ HARI RAYA AIDILFITRI 2026 DI PERTAMA KOMPLEKS, JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR

Dengan ini, saya/kami yang bertandatangan seperti di bawah mengakui penerimaan penuh dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran **[No. Rujukan: KOMITI.200/2026 (29)]** bertarikh **27 Januari 2026** berkaitan lantikan operator.

2. Saya/Kami juga faham dan bersetuju sekiranya saya/kami didapati melanggar terma dan syarat yang terkandung dalam Surat Tawaran tersebut atau telah menawar/ memberi rasuah kepada mana-mana pegawai KoMITI bagi apa-apa tujuan, maka KoMITI berhak mengambil tindakan untuk menarik balik tawaran penyewaan sepertimana yang telah diluluskan.

3. Saya/Kami memahami bahawa kegagalan mematuhi terma dan syarat boleh menyebabkan tindakan diambil **termasuk amaran, penggantungan atau penamatan kebenaran berniaga** tanpa sebarang tuntutan pampasan.

Nama :
No. K/P :
Jawatan :
Tarikh :

Nama :
No. K/P :
Jawatan :
Tarikh :

.....
(Meterai atau Cop)

SENARAI SEMAK

Dokumen Tawaran Penyewaan Dua (2) Lot Tapak Niaga Program Bazaar Ramadhan/ Hari Raya Aidilfitri 2026 Di Pertama Kompleks, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur

Salinan Kad Pengenalan

Salinan Penyata Bank
Pastikan : Akaun adalah aktif

Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)